



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8891 5556
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.48 (79)
Tarikh : 15 Ogos 2018

KENYATAAN AKHBAR

PELANCARAN KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN AKTIVITI AIR PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2018

TAIPING, PERAK, 15 Ogos 2018 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) telah menganjurkan Kempen Kesedaran Keselamatan Aktiviti Air Peringkat Negeri Perak di Taman Tasik Taiping hari ini. Kempen ini telah disempurnakan perasmiannya oleh YB Tuan Yong Choo Kiong, Exco Kerajaan Negeri Perak Bagi Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam, Hal Ehwal Bukan Islam Dan Kampung Baharu.

Objektif kempen ini ialah :

1. Menangani insiden kejadian lemas di badan air yang semakin meningkat pada setiap tahun
2. Memupuk kesedaran masyarakat berhubung keselamatan dalam menjalankan aktiviti di badan air.

Peserta kempen ini diingatkan untuk mengutamakan keselamatan diri sebelum membantu orang lain sekiranya berlaku kecemasan di badan atau takungan air dan mereka juga berpeluang mempelajari dan mendapat tips langkah keselamatan daripada pihak Bomba.

Kempen-kempen seperti ini juga akan dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah, terutamanya beberapa hari sebelum cuti sekolah bermula. Kumpulan sasar bagi pelaksanaan kempen ini adalah golongan kanak-kanak, remaja dan belia di mana informasi berguna perlu disampaikan kepada mereka supaya sentiasa berwaspada dan beringat semasa menjalankan aktiviti air di badan air.

Sehingga Ogos 2018, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah mengenal pasti kawasan hotspots berdasarkan data kejadian mati lemas yang melibatkan kehadiran bomba. Sebanyak **12 kawasan berisiko tinggi dan 34 kawasan berisiko telah dikenal pasti** dan pihak bomba juga telah diarahkan untuk mengawasi **Kawasan Berisiko Tinggi tersebut** bagi tujuan kawalan keselamatan sepanjang cuti persekolahan. Dalam masa yang sama, pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berkaitan akan diminta memasang papan-papan tanda amaran dengan menggunakan simbol-simbol ISO supaya mudah difahami oleh semua pengunjung.

Data yang dikeluarkan oleh JBPM adalah seperti berikut :

- Insiden mati lemas telah meningkat daripada 260 kes pada tahun 2016 kepada 327 kes pada tahun 2017.
- Angka kematian akibat lemas bagi 7 bulan pertama tahun 2018 (Januari - Jun) telah mencecah 186 kes, iaitu hampir sama dengan purata kes pada tahun 2017.

Sebagai langkah proaktif, KPKT juga telah mengambil langkah berikut untuk menangani peningkatan insiden kelemapasan:

- Mengkaji undang-undang yang bersesuaian dan menggubal undang-undang kecil bagi tujuan penguatkuasaan keselamatan di badan air dan rekreasi oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT);
- Menyediakan garis panduan berkaitan keselamatan di sebagai panduan untuk kegunaan Pihak Berkuasa Tempatan - Garis Panduan Pengurusan dan Penyenggaraan Kolam Renang di kawasan PBT. Garis panduan ini dijangka dapat diumumkan pada awal tahun 2019 apabila ia sudah diluluskan di peringkat Jemaah Menteri dan dibentangkan di Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) pada bulan September nanti.

Selain daripada usaha-usaha yang telah dijalankan oleh MKAA, rakyat Malaysia mahupun pelancong juga diingatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dalam memastikan keselamatan semasa menjalankan apa-apa aktiviti yang melibatkan badan-badan air. Bagi ibu bapa, pemantauan terhadap aktiviti dan pergerakan anak-anak adalah amat penting memandangkan kejadian lemas yang berlaku di negara kita banyak melibatkan golongan kanak-kanak dan pelajar.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu PLAN Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
 b.p. Ketua Setiausaha
 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my